



JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA (JPPM)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)

TINDAKAN PERUSAHAAN

LINDUNGI
HAK
KAMI!!



**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA (JPPM)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)**

TINDAKAN PERUSAHAAN

PRAKATA

KETUA PENGARAH PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA

Handbook ini diterbitkan sebagai sumber rujukan kepada pegawai di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM), khasnya dalam memberi khidmat nasihat dan mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan perhubungan perusahaan. Selain itu, *handbook* ini juga merupakan panduan asas yang boleh diguna pakai oleh pihak majikan, pekerja, kesatuan sekerja atau pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam urusan perhubungan perusahaan.

Sebagai sebuah Jabatan yang bertanggungjawab untuk memupuk dan memelihara perhubungan perusahaan yang harmoni dan positif di antara majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja mereka, penerbitan *handbook* ini diharapkan dapat memupuk perhubungan perusahaan yang harmoni di tempat pekerjaan khasnya dan Negara amnya selari dengan matlamat Jabatan iaitu “Mencorakkan Masa Depan Bersama Keharmonian Perusahaan”.

Akhir kata sekalung penghargaan kepada urus setia, ahli Jawatankuasa Kerja Modul Keharmonian Perusahaan dan pegawai-pegawai JPPM yang terlibat dalam penyediaan dan penerbitan *handbook* ini.

Ketua Pengarah
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia

1. Pengenalan

Di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177], terdapat mekanisme penyelesaian pertikaian perusahaan yang membolehkan kedua-dua pihak menyelesaikan isu yang dipertikaikan secara harmoni sama ada secara *bilateral* atau *tripartite*. Namun begitu, tidak semua isu pertikaian perusahaan dapat diselesaikan secara harmoni. Kegagalan dalam perundingan berkemungkinan membawa kepada tindakan perusahaan oleh kesatuan sekerja pekerja, kesatuan sekerja majikan atau majikan.

Akta 177 tidak menghalang hak pihak yang bertikai untuk melaksanakan tindakan perusahaan. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan undang-undang yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan tindakan perusahaan. Tindakan perusahaan sewajarnya menjadi pilihan terakhir dalam menyelesaikan sebarang pertikaian perusahaan.

JPPM bertanggungjawab memainkan peranan dalam mengawal tindakan perusahaan bagi memupuk keharmonian perusahaan di tempat kerja. Pengendalian tindakan perusahaan adalah digariskan di bawah Akta 177 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]

2. Tafsiran

2.1 *Trade Dispute* (Pertikaian Perusahaan)

Trade dispute means any dispute between an employer and his workmen which is connected with the employment or non-employment or the terms of employment or the conditions of work of any such workmen;

[seksyen 2, Akta 177] & [seksyen 2, Akta 262]

2.2 *Strike* (Mogok)

“strike” means the cessation of work by a body of workmen acting in combination, or a concerted refusal or a refusal under a common understanding of a number of workmen to continue to work or to accept employment, and includes any

act or omission by a body of workmen acting in combination or under a common understanding, which is intended to or does result in any limitation, restriction, reduction or cessation of or dilatoriness in the performance or execution of the whole or any part of the duties connected with their employment;

[seksyen 2, Akta 177] & [seksyen 2, Akta 262]

2.3 Lock-out (Sekat Masuk)

“lock-out” means

- i. *the closing of a place of employment; or*
- ii. *the suspension of work; or*
- iii. *the refusal by an employer to continue to employ any number of workmen employed by him, in furtherance of a trade dispute, done with a view to compelling those workmen to accept terms or conditions of or affecting employment.*

[seksyen 2, Akta 177]

3. Skop Liputan

Akta 177 membenarkan tindakan perusahaan dilaksanakan oleh pihak-pihak berikut:

- i. Kesatuan Sekerja Pekerja;
- ii. Majikan / Kesatuan Sekerja Majikan.

4. Peruntukan Undang-Undang

4.1 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]

- i. Part III – *Recognition and Scope of Representation of Trade Unions (Section 10 – Prohibition of strike, lock-out, picketing and termination of service pending recognition of trade union)*
- ii. Part IX (section 40 - 46) – *Trade Dispute, Strikes and Lock-outs and Matters Arising Therefrom*

4.2 Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]

- i. Part IV – *Rights and Liabilities of Trade Unions (Section 25A – Strikes and lock-outs)*
- ii. Part V – *Constitution (Section 40 - Secret Ballot)*

4.3 Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009

- i. *Part V – Notice of Strike and Lock-Out*

5. Jenis-jenis Tindakan Perusahaan

5.1 Piket

Seksyen 40, Akta 177 membenarkan **seorang atau lebih dari seorang pekerja** mengadakan piket di tempat atau berhampiran tempat pekerjaan di **mana pekerja tersebut bekerja** atau di **mana pertikaian perusahaan melibatkan pekerja berlaku** bagi tujuan iaitu:

- i. Mendapatkan atau menyampaikan maklumat;
- ii. Memujuk atau mendorong mana-mana pekerja supaya bekerja atau enggan bekerja.

Tindakan piket tersebut mestilah dilaksanakan:

- i. Secara aman;
- ii. Tidak mengancam mana-mana pihak;
- iii. Tidak menghalang laluan keluar masuk ke premis perniagaan majikan
- iv. Di luar waktu kerja pekerja sama ada pada waktu rehat, sebelum atau selepas waktu kerja.

Pegawai atau pekerja kesatuan sekerja yang hadir semasa piket perlu memastikan piket dijalankan secara aman dan pekerja-pekerja berpiket mematuhi peruntukan di bawah akta ini.

5.1.1 Larangan Picket

Picket tidak boleh dilaksanakan dalam keadaan berikut:

- a. Semasa prosiding tuntutan pengiktirafan sedang berlangsung – subseksyen 10(1);
- b. Tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan (KPPP) berhubung tuntutan pengiktirafan;
- c. Semasa prosiding Lembaga Siasatan yang dilantik oleh Menteri di Bahagian VIII (*Investigation And Inquiry*) yang melibatkan pekerja dan majikan berkenaan dan dalam tempoh 7 hari selepas prosiding berkenaan tamat – perenggan 40(2A)(a);
- d. Selepas pertikaian perusahaan dirujuk ke Mahkamah Perusahaan dan pihak yang terlibat telah dimaklumkan mengenai rujukan tersebut – perenggan 40(2A)(b); atau
- e. Bagi perkhidmatan Kerajaan atau pihak berkuasa berkanun, selepas Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri enggan memberi keizinan untuk merujuk pertikaian ke Mahkamah Perusahaan dan pihak yang terlibat telah dimaklumkan mengenainya – perenggan 40(2A)(c).

5.2 Mogok dan Sekat Masuk

i. Mogok

Mogok boleh diambil oleh **Kesatuan Sekerja Pekerja** lanjutan daripada pertikaian perusahaan. Tindakan mogok adalah seperti melambatkan kerja (*go slow*) dan bekerja mengikut peraturan (*work-to-rule*) sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan iaitu:

“A slow-down or go slow and work-to-rule by workers are forms of strike under the Industrial Relations Act”

[award Mahkamah Perusahaan No 28/1975]

ii. Sekat Masuk (**Lock-out**)

Sekat Masuk boleh diambil oleh **Kesatuan Sekerja Majikan** lanjutan daripada pertikaian perusahaan.

Bagi maksud sekat-masuk di bawah subseksyen 10(2) Akta 177, tindakan yang boleh diambil oleh majikan adalah seperti berikut:

- a. Penutupan tempat kerja; atau
- b. Penggantungan kerja; atau
- c. Keengganan majikan untuk terus mengambil mana-mana pekerja yang telah bekerja dengannya.

5.2.1 Prosedur Mogok Dan Sekat Masuk Di Bawah Akta 262

Kesatuan sekerja yang bercadang untuk mengadakan mogok dan sekat masuk hendaklah mematuhi Akta 262 dan peraturan-peraturan di bawahnya iaitu:

- i. Menjalankan undi sulit;
- ii. Sekurang-kurangnya 2/3 anggota berhak bersetuju;
- iii. Mengemukakan keputusan undi sulit kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (KPKS) dalam tempoh 14 hari;
- iv. Tidak boleh mogok sebelum tamat tujuh (7) hari bekerja selepas keputusan undi sulit dikemukakan kepada KPKS; atau
- v. Mogok hanya boleh dilaksanakan dalam tempoh 90 hari daripada tarikh undi sulit

(Undi sulit hanya sah bagi tempoh 90 hari daripada tarikh diadakan)

5.2.2 Kuasa KPKS yang diperuntukkan di bawah subseksyen 40(6) dan subseksyen 40(9), Akta 262

- i. Menjalankan siasatan setelah menerima Borang U (Borang Penyata Keputusan Undi);
- ii. Mengarahkan kesatuan sekerja untuk tidak memulakan mogok / sekat masuk sekiranya berpendapat mogok / sekat masuk tersebut akan melanggar Akta 262; dan
- iii. Mengisytiharkan undi sulit yang dijalankan oleh kesatuan sekerja adalah tidak sah sekiranya kesatuan sekerja tersebut melanggar Akta 262 atau peraturan atau kaedah-kaedah dalam menjalankan undi sulit.

5.2.3 Halangan Mogok dan Sekat Masuk di bawah seksyen 43, Akta 177

- i. Perkhidmatan Perlu sepertimana yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama.
- ii. Menurut subseksyen 43(1) dan subseksyen 43(2), mogok dan sekat masuk boleh dilaksanakan setelah memenuhi perkara berikut:
 - a. Memberi notis kepada majikan selama 42 hari sebelum melancarkan mogok;
 - b. Tidak melancarkan mogok dalam tempoh 21 hari selepas memberi notis tersebut; atau

- c. Tidak melancarkan mogok sebelum luputnya tarikh yang ditetapkan dalam notis tersebut.

5.2.4 Larangan Mogok dan Sekat Masuk

Di bawah Akta 177, mogok dan sekat masuk tidak boleh dilaksanakan dalam keadaan berikut:

- i. Semasa prosiding tuntutan pengiktirafan sedang berlangsung – subseksyen 10(1);
- ii. Tidak berpuas hati dengan keputusan KPPP mengenai tuntutan pengiktirafan kecuali tuntutan pengiktirafan tersebut ditarik balik;
- iii. Semasa prosiding Lembaga Siasatan yang dilantik oleh Menteri di Bahagian VIII (Investigation and Inquiry) – subseksyen 44(a);
- iv. Selepas pertikaian perusahaan dirujuk ke Mahkamah Perusahaan;
- v. Bagi perkhidmatan Kerajaan atau pihak berkuasa berkanun, selepas Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri enggan memberi keizinan untuk merujuk pertikaian ke Mahkamah Perusahaan dan pihak yang terlibat telah dimaklumkan mengenainya – subseksyen 44(c);
- vi. Berkenaan perkara-perkara yang terkandung di dalam Perjanjian Kolektif yang telah diberi pengiktirafan oleh Mahkamah Perusahaan – subseksyen 44(d); atau
- vii. Berkenaan prerogatif majikan di bawah subseksyen 13(3), Akta 177 – subseksyen 44(e).

5.2.5 Mogok dan Sekat Masuk menjadi tidak sah sekiranya:

- i. Melanggar peruntukan seksyen 43 atau seksyen 44 atau mana-mana undang-undang bertulis;
- ii. Mempunyai objektif lain selain daripada lanjutan daripada pertikaian perusahaan yang melibatkan pekerja yang mogok dengan majikan; atau
- iii. Dalam keadaan berikut adalah **tidak menyalahi undang-undang sekiranya**:
 - a. Sekat masuk yang dibuat akibat daripada mogok tidak sah.
 - b. Mogok yang dibuat akibat daripada sekat masuk tidak sah.

6. Tanggungjawab *Tripartisme*

6.1 Peranan JPPM

Sekiranya dimaklumkan / mendapat makluman mengenai tindakan perusahaan oleh mana-mana pihak yang bertikai, JPPM akan membawa kedua-dua pihak ke meja perundingan bagi tujuan penyelesaian.

6.2 Peranan majikan dan kesatuan sekerja pekerja/majikan

Pihak yang bertikai hendaklah memberi kerjasama kepada JPPM dalam perkara-perkara berikut:

- i. Memberikan maklumat yang tepat mengenai isu pertikaian;
- ii. Berunding dan memberi kerjasama kepada pihak JPPM untuk mencari jalan penyelesaian; dan
- iii. Kedua-dua pihak perlu bersedia bertolak ansur untuk mencapai penyelesaian secara damai.

7. Penalti

7.1 Penalti di bawah Akta 177

Bil	Seksyen	Perihal	Hukuman
i.	40(3)	Piket tidak sah.	Denda tidak melebihi RM5,000.00.
ii.	46(1)	Mogok yang tidak sah.	Denda tidak lebih RM5,000.00 dan denda selanjutnya sebanyak RM50.00 sehari setiap hari ia berterusan.
iii.	46(2)	Sekat Masuk yang tidak sah.	Denda tidak lebih RM5,000.00 dan denda selanjutnya sebanyak RM50.00 sehari setiap hari ia berterusan.
iv.	47	Menghasut orang lain supaya mengambil bahagian dalam mogok/sekat-masuk.	Denda tidak lebih RM5,000.00 dan denda selanjutnya sebanyak RM50.00 sehari setiap hari ia berterusan.
v.	48	Memberi bantuan kewangan untuk mengadakan mogok/sekat-masuk yang tidak sah.	Denda tidak lebih RM5,000.00.

7.2 Penalti di bawah Akta 262

Bil	Seksyen	Perihal	Hukuman
i.	15	Melanggar seksyen 15 berhubung pendaftaran Kesatuan Sekerja	Pembatalan oleh KPKS
ii.	25A(2)	Memulakan, menganjurkan merancang atau membiayai mogok atau sekat masuk yang tidak sah	<p>KPKS boleh mengambil tindakan pendakwaan terhadap kesatuan atau anggota eksekutif iaitu boleh didakwa dan jika sabit kesalahan tidak lebih RM2,000.00 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya sebanyak RM100.00 sehari setiap hari ia berterusan.</p> <p>KPKS boleh mengambil tindakan pendakwaan terhadap kesatuan atau anggota eksekutif iaitu boleh didakwa dan jika sabit kesalahan tidak lebih RM5,000.00 dan denda selanjutnya sebanyak RM200.00 sehari setiap hari ia berterusan.</p>

Bil	Seksyen	Perihal	Hukuman
iii.	25A(3)	Memulakan, menganjurkan merancang atau membiayai mogok atau sekat masuk yang tidak sah	Kesatuan Sekerja boleh mengeluarkan senarai nama pekerja / majikan yang telah terhenti menjadi anggotanya daripada daftar senarai keanggotaan sekiranya berlaku pelanggaran peruntukkan subseksyen 25A(1).
IV.	25A(4),	Memulakan, menganjurkan merancang atau membiayai mogok atau sekat masuk yang tidak sah	KPKS boleh mengarahkan kesatuan mengeluarkan nama anggota yang terlibat dari Daftar Keanggotaan

Jadual Pertama Akta 177

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PERLU

1. Perkhidmatan-perkhidmatan elektrik.
2. Perkhidmatan-perkhidmatan bomba.
3. Perkhidmatan-perkhidmatan penjara.
4. Perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan awam.
5. Perkhidmatan pengurusan pembuangan sisa awam.
6. Perkhidmatan-perkhidmatan telegraf, telefon dan telekomunikasi.
7. Perkhidmatan-perkhidmatan air.
8. Apa-apa perkhidmatan oleh mana-mana Jabatan Kerajaan yang berikut:
 - (i) Kimia;
 - (ii) Penerbangan Awam;
 - (iii) Kastam dan Eksais;
 - (iv) Imigresen;
 - (v) Marin;
 - (vi) Meteorologi;
 - (vii) Percetakan.
9. Perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan, atau berhubungan dengan, atau yang membantu kepada, penyelenggaraan dan perjalanan tugas-tugas Angkatan Tentera dan Angkatan Polis Diraja Malaysia.
10. Perniagaan-perniagaan dan industri-industri yang berkaitan dengan pertahanan dan keselamatan Malaysia.
11. Mana-mana bahagian dalam apa-apa perkhidmatan, yang bertanggungjawab ke atas keselamatan pekerja-pekerjanya atau pertubuhan dengannya.
12. Kawalan lalu lintas udara.
13. Industri-industri yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan di dalam Warta sebagai industri-industri perlu kepada ekonomi Malaysia.

Penafian:

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) tidak bertanggungjawab di atas kehilangan, kerosakan atau kerugian disebabkan penggunaan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada buku ini.

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia.

All Rights Reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electrical, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission in writing of the Department of Industrial Relations of Malaysia, Ministry of Human Resources.

Disediakan oleh:
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia
Aras 9, Blok Setia Perkasa 4, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 W.P. Putrajaya
Tel: (603) - 8886 5460 Faks: (603) - 8889 2355
E-mel: jppm@mohr.gov.my
Laman Web: <http://jpp.mohr.gov.my>
ISBN 978-983-43604-7-4
Edisi Kedua, Cetakan Pertama (2024)